

29/05/2003

Remaja perlu memiliki idealisme tinggi

Cikgu Rahim

KEJAYAAN perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin merentasi Selat Melaka

iaitu dari Kuala Perlis ke Jeti Kuah, Langkawi, akhir minggu lalu memperkukuhkan lagi satu hakikat 'Malaysia Boleh'.

Kita boleh mencapai kejayaan jika kita mahu. Kemahuan yang tinggi disertai dengan keazaman yang kuat mampu meredah segala halangan yang menyekat kita untuk mencapai kejayaan. Pokoknya kita mesti yakin bahawa kita boleh!

Remaja Malaysia perlu dididik agar mereka mempunyai idealisme tinggi. Hanya mereka yang tidak mempunyai idealisme atau mempunyai idealisme rendah akan terbabit dengan penyakit sosial dan keruntuhan akhlak.

Apabila

remaja Malaysia mempunyai jati diri dan cita-cita tinggi, sesungguhnya masa depan Malaysia untuk menjadi negara maju dalam acuan tersendiri adalah cerah sekali.

Remaja perlu memiliki keimanan dan ketakwaan serta ilmu yang benar. Setiap remaja perlu menyedari bahawa potensi diri hanya akan terserlah jika dapat mengatasi segala halangan dalam dirinya.

Hanya keimanan dan ketakwaan yang mampu membangkitkan setiap jiwa daripada belenggu hawa nafsu atau sifat malas dan tidak ada keyakinan diri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan generasi muda berjalan kaki merentasi benua Antartika. Jika cabaran itu berjaya disahut, maka sekali lagi kita berjaya menanam dalam jiwa remaja bahawa Malaysia Boleh!

CIKGU RAHIM,

Kuala Krai, Kelantan.